

LORADINE TABLET

Loratadine (10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

Risalah ini mengandungi informasi berikut:

1. Apakah kegunaan LORADINE TABLET
2. Bagaimana LORADINE TABLET berfungsi
3. Sebelum mengambil LORADINE TABLET
4. Cara menggunakan LORADINE TABLET
5. Semasa menggunakan LORADINE TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan LORADINE TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan LORADINE TABLET

LORADINE TABLET digunakan untuk melegakan simptom-simptom seperti mata merah, berair, gatal; bersin; gatal hidung atau tekak; dan hidung berair yang disebabkan oleh alahan, demam jerami atau selesema biasa. Ubat ini juga digunakan untuk merawat urtikaria, keadaan kulit yang dicirikan oleh simptom-simptom seperti bengkak, kemerahan dan gatal-gatal.

Bagaimana LORADINE TABLET berfungsi

Loratadine merupakan ubat antihistamina yang tidak akan menyebabkan kesan mengantuk. Ubat ini berfungsi dengan menyekat tindakan histamina, bahan biologi rembesan badan yang menyebabkan simptom-simptom kegatalan mata atau hidung, bersin, mata berair dan hidung berair.

Sebelum mengambil LORADINE TABLET

Bila tidak boleh mengambil

Anda tidak boleh mengambil LORADINE TABLET jika anda alah terhadap loratadine. Tanda-tanda alahan termasuk ruam, gatal atau sesak nafas.

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun menghadapi sebarang masalah kesihatan lain seperti kerosakan hati dan buah pinggang.

Mengandung dan menyusukan anak

Sila bertanya kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini sekiranya anda mengandung ataupun menyusukan bayi.

Perhatian perlu diberikan kepada pemberian loratadine kepada wanita yang menyusukan anak kerana ia boleh meresap ke dalam susu ibu. Oleh kerana terdapat peningkatan risiko penggunaan antihistamina terhadap bayi, terutamanya bayi yang baru dilahirkan dan bayi pramatang, maka keputusan perlu dilakukan samada untuk menghentikan pemberian susu ibu atau menghentikan pemberian ubat.

Jika mengambil ubat-ubat lain

LORADINE TABLET boleh menyebabkan kesan yang tidak diingini jika ia digunakan dengan ubat-ubatan seperti ketoconazole (untuk merawat jangkitan kulat, seperti seriawan), erythromycin (antibiotik), cimetidine (untuk merawat ulser perut dan masalah pencernaan) dan amprenavir (digunakan dalam rawatan HIV).

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat-ubatan tersebut atau ubat lain, termasuknya ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

Cara menggunakan LORADINE TABLET

Berapa banyak harus diambil

Dewasa dan kanak-kanak ≥ 12 tahun:
1 tablet sehari.

Bila perlu diambil

LORADINE TABLET perlu diambil secara oral mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu diambil

LORADINE TABLET perlu diambil mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah beberapa jam selepas masa makan ubat berlalu ataupun sudah mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan LORADINE TABLET

Perkara yang perlu dilakukan

Ikut arahan doktor anda semasa mengambil LORADINE TABLET.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor.
- Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

LORADINE TABLET boleh menyebabkan kesan sampingan yang mengganggu pemikiran dan tindak balas anda. Berhati-hati jika anda hendak memandu atau melakukan apa-apa yang memerlukan anda berwaspada dan berjaga selepas makan ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

LORADINE TABLET mungkin akan menyebabkan sakit kepala, rasa mengantuk dan keletihan. Keguguran rambut mungkin akan berlaku. Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang lain.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan LORADINE TABLET

Cara penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan. Simpan di dalam bekas yang ditutup dengan ketat.

Cara pelupusan

LORADINE TABLET perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Tablet elips yang berwarna putih dengan satu permukaan dicetak timbul dengan



Bahan kandungan

Bahan aktif-

Loratadine

Bahan tidak aktif-

Lactose

Povidone

Starch

Polyethylene Glycol

Magnesium Stearate

Sodium Starch Glycolate

Nombor MAL

MAL 20021013AZ

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan

Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000

Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,

Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,

43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan

Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP :

05 Mei 2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)300415/00091